



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan  
Maklum Balas



Peta Laman

|                       |                                      |                                  |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|
| <a href="#">Utama</a> | <a href="#">Profil Kementerian</a> ▾ | <a href="#">Piagam Pelanggan</a> |
|-----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|

[Hubungi Kami](#) ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - MaGIC Lancar 2 Program Baharu Di Bawah CER](#)

## Utusan Malaysia - MaGIC Lancar 2 Program Baharu Di Bawah CER

🕒 Selasa, Jun 13 2017



# MaGIC lancar dua program baharu di bawah CER

Oleh SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH  
ekonomi@utusan.com.my

**CYBERJAYA 11 Jun** - Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia (MaGIC) melancarkan dua program baharu di bawah inisiatif tanggungjawab keusahawanan korporat (CER) bagi menarik minat lebih banyak syarikat swasta dan korporat membantu membangunkan usahawan di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Ashran Ghazi berkata, pengenalan terhadap program *CER Circle* dan *MaGIC Activate* penting bagi meningkatkan lagi penyertaan syarikat korporat dan swasta sekali gus dapat melonjakkan pembangunan ekosistem keusahawanan dalam negara.

"Program *CER Circle* merupakan platform berkonsep keahlian yang menghubungkan syarikat korporat dengan komuniti perniagaan baharu (*startup*) dan membantu sektor korporat memanfaatkan teknologi baharu untuk mengubah pasaran sedia ada.

"Sementara program *MaGIC Activate* pula merupakan platform untuk membantu syarikat dan organisasi dalam membantu menganjurkan cabaran inovasi bagi menarik penyertaan lebih banyak usahawan *startup*," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran *MaGIC CER Circle* dan *MaGIC Activate* di sini baru-baru ini.

Menurut Ashran, sebagai permulaan sebanyak 22 organisasi bersedia untuk bekerjasama dengan MaGIC bagi menjayakan program tersebut.

Dalam pada itu katanya, menerusi inisiatif tersebut pihaknya yakin dalam tempoh dua tahun lagi dapat menjana jumlah tambahan nilai sebanyak RM100 juta hasil daripada program cabaran inovasi yang disediakan organisasi tersebut kepada lebih 3,000 *startup*.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan dalam ucapannya berkata, program tersebut penting bagi memupuk budaya inovasi dalam kalangan penduduk di negara ini menjelang 2020.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih banyak syarikat swasta dan korporat menyertai program tersebut di masa depan.

"Menerusi program CER, setiap organisasi yang terlibat dapat menyumbang lebih banyak perkara berbanding program tanggungjawab sosial korporat (CSR), khususnya dalam memacu pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan," katanya.

UTUSAN



## Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 12 Februari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216